

# TVET

## REVOLUSI BELIA BERKEMAHIRAN TINGGI

"Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) membantu melahirkan generasi yang lebih berdikari melalui penguasaan kemahiran teknikal dan vokasional. Bidang TVET menawarkan peluang kerjaya yang luas dalam sektor awam dan swasta. Keadaan ini akan meningkatkan kebolehpasaran belia dan memberikan keyakinan untuk menghadapi dunia pekerjaan yang semakin kompetitif." Demikian ungkapan kata-kata daripada Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis TVET Negara semasa ditemu bual oleh sidang editor *Dewan Siswa* di pejabatnya di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada 2 Januari 2025.




FOTO: HANAFI MOHD YUSOF/MOHD FARID JANUDIN

“

Pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi merupakan teras utama kepada aspirasi pembangunan Malaysia MADANI. Dalam konteks ini, TVET memainkan peranan penting dalam membina daya saing dan daya tahan belia untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Melalui TVET, belia diberi peluang untuk memperoleh kemahiran yang relevan dengan industri serta memahami perkembangan teknologi dan inovasi terkini.

”

**Y**AB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang berasal dari Bagan Datuk, Perak, berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Malaya, seterusnya mengambil Sijil dalam Perbankan, Structural Technical Curriculum (STC), di Bank Negara Malaysia dan Diploma Pemasaran, National Productivity Council (NPC), Institute of Marketing, di Petaling Jaya. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Sosial, Komunikasi Korporat di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam jurusan Komunikasi di UPM. Beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai bank di OCBC Bank, sebagai Pembantu Pengurus di Bank Simpanan Nasional, juga pernah menjadi Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Dalam bidang politik, beliau merupakan Ahli Parlimen Bagan Datuk dan bermula pada Disember 2022, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Pengerusi Majlis TVET Negara.

Memegang mandat sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara bukanlah tanggungjawab yang mudah. Sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid menekankan hala tuju pembangunan TVET di Malaysia sejajar dengan aspirasi Dasar TVET Negara 2030. Menurut beliau, "Matlamat utama saya adalah untuk memastikan TVET menjadi platform terbaik untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu bersaing pada peringkat global dan menerima ganjaran yang setimpal dengan kemahiran mereka. Saya ingin memastikan bahawa sistem tadbir urus TVET di negara ini diselaraskan dengan lebih baik. Hal ini termasuklah memperkukuh peranan Majlis TVET Negara sebagai agensi penyelaras utama."

## Hala Tuju Pembangunan TVET

Gagasan Malaysia MADANI yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memberikan nafas baharu dalam perjalanan masa hadapan negara. Dalam suasana politik dan ekonomi yang tidak menentu pada peringkat domestik mahupun antarabangsa, Malaysia memerlukan anjakan paradigma baharu yang lebih ampuh dan mampan untuk kekal berdaya saing. Kemampanan sosial dan ekonomi negara bergantung pada tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk menyediakan taraf hidup yang lebih baik kepada semua rakyat. Secara tidak langsung, impak ini akan mendatangkan kesejahteraan rakyat melalui peluang pekerjaan yang luas, agihan ekonomi yang lebih adil, saksama serta inklusif kepada semua kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah.

TVET merupakan proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan terhadap amalan industri untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang tertentu. Kebanyakan negara maju juga telah menjadikan TVET sebagai teras pendidikan mereka. Ekosistem TVET yang terancang dan kukuh akan melonjakkan keberhasilan modal insan berkemahiran tinggi dalam masyarakat. Sistem pendidikan dan latihan yang diterapkan dalam TVET membantu melengkapkan tenaga kerja semasa dan masa hadapan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pelbagai jenis pekerjaan, termasuklah usahawan.

Pada ketika ini, kerajaan berada di landasan yang betul dalam memperkasakan pelaksanaan TVET negara. Menurut YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, "Penubuhan Majlis TVET Negara adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan TVET pada peringkat nasional dan melaksanakan sinergi dengan beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan agenda TVET sentiasa menjadi keutamaan."

"Kami juga sedang membangunkan platform data digital yang akan memudahkan pengumpulan maklumat yang lebih lengkap, termasuklah menyepadukan data pekerjaan.

Dengan ini, kita dapat memastikan graduan TVET bersedia untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. Selain itu, saya



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid semasa Majlis Perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2024.



juga percaya bahawa TVET perlu bertaraf dunia. Oleh itu, kita sedang melaksanakan satu sistem jaminan kualiti tunggal bagi semua program TVET di Malaysia. Kurikulum juga perlu responsif terhadap keperluan industri yang sentiasa berubah. Kita mahu memastikan pelajar bukan sahaja belajar teori, tetapi juga memperoleh pengalaman industri yang sebenar. Tenaga pengajar TVET pula akan terus diperkasakan melalui kolaborasi dengan pakar industri," ulas YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.

"Saya juga melihat pentingnya pelibatan industri yang lebih mendalam dalam ekosistem TVET. Kita mahu mewujudkan lebih banyak perkongsian antara institusi latihan dengan syarikat utama. Sebagai contoh, industri boleh membawa masuk teknologi terkini ke kampus untuk memastikan pelajar didedahkan dengan realiti pekerjaan yang sebenar dan graduan TVET juga perlu bersedia secara holistik. Selain kemahiran teknikal, kita juga memberikan penekanan kepada pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan dan integriti. Perkara ini penting dalam memastikan graduan kita tidak hanya mahir bekerja, tetapi juga mempunyai nilai sosial yang tinggi," tambah YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid juga mahu mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET dengan menjadikan TVET sebagai pilihan utama belia. Menurut beliau, "Promosi yang lebih agresif dan kreatif boleh dilaksanakan untuk meningkatkan minat belia terhadap TVET, antaranya termasuklah promosi melalui media sosial dan penganjuran program seperti Hari TVET Negara serta pertandingan kemahiran. Kisah kejayaan graduan TVET juga perlu diketengahkan supaya masyarakat dapat melihat laluan TVET ini mampu membawa kerjaya yang lebih baik. Dengan hala tuju ini, saya yakin TVET boleh memainkan peranan yang besar dalam pembangunan tenaga kerja negara serta membuka peluang kepada semua belia, termasuklah golongan yang kurang berkemampuan untuk membina masa hadapan yang lebih cerah."

## Keupayaan Belia Memenuhi Keperluan Industri Berteknologi Tinggi

Dalam pembentangan Belanjawan 2025, Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim memberikan tumpuan yang signifikan terhadap sektor TVET sebagai satu daripada komponen penting dalam pembangunan negara. Menerusi peruntukan yang meningkat kepada RM7.5 bilion berbanding dengan RM6.8 bilion pada tahun 2024, kerajaan memberikan komitmen yang kukuh dalam memastikan keupayaan belia tempatan memenuhi keperluan industri yang semakin berteknologi tinggi. Oleh itu, bagi memastikan rakyat mendapat manfaat daripada peruntukan belanjawan tersebut, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid berkata bahawa beberapa pendekatan dan inisiatif akan dilaksanakan seperti yang berikut:

**Jadual 1** Pendekatan dan inisiatif untuk meningkatkan keupayaan belia menerusi TVET.

**1**

### Memperkuh kerjasama antara institusi TVET dengan pihak industri.

Memastikan kurikulum dan latihan yang diberikan adalah selari dengan perkembangan teknologi semasa seperti dalam bidang pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi atau *high growth high value* (HGHV) yang merangkumi teknologi elektronik, kecerdasan buatan (AI), keselamatan siber, tenaga boleh baharu, mekanisasi dan automasi pertanian.

**2**

### Menekankan aspek keterangkuman.

Menyediakan peluang latihan kepada belia yang kurang berkemampuan, termasuklah kelompok miskin bandar, komuniti terpinggir, penduduk pedalaman dan Orang Asli. Inisiatif ini bukan sahaja memastikan semua lapisan masyarakat dapat terlibat dalam ekosistem TVET, tetapi juga memaksimumkan potensi bakat tempatan dalam menyokong keperluan tenaga kerja mahir negara.

**3**

### Memperluas program pemahiran semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling) serta pembelajaran sepanjang hayat.

Menggalakkan belia TVET memperbaharui kemahiran mereka agar kekal relevan dalam industri. Selaras dengan aspirasi Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dan Pelan Peralihan Tenaga Nasional (NETR), kerajaan juga memberikan penekanan terhadap bidang keutamaan seperti kenderaan elektrik, pembuatan pintar dan Internet benda atau *Internet of things* (IoT). Melalui program seperti program latihan antarabangsa, pelajar TVET dilatih dalam persekitaran global, diberi pendedahan tentang teknologi terkini dan berpeluang mendapat pekerjaan di syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia.

**4**

### Memperhebat program TVET agar lebih berkesan dan inklusif.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menjadikan program TVET lebih berkesan dan inklusif melalui peningkatan akses kepada kawasan luar bandar, di samping memastikan latihan dan kemahiran yang diperoleh pelajar dapat diaplikasikan untuk manfaat masyarakat.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid berkata, "Langkah ini menunjukkan bahawa Belanjawan 2025 bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, tetapi juga membina generasi belia yang mampu menyumbang kepada transformasi ekonomi negara ke arah industri berteknologi tinggi. Dengan pendekatan yang strategik ini, saya yakin, Malaysia berada pada landasan yang tepat untuk menjadi lebih kompetitif pada peringkat serantau dan global."

### TVET Pencetus Generasi Kreatif dan Berdaya Tahan

TVET memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja mahir tetapi juga kreatif, inovatif dan berdaya tahan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Elemen kreativiti dan inovasi diterapkan melalui pendekatan holistik yang merangkumi pelbagai aspek latihan, pembelajaran dan pembangunan diri pelajar. YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid turut menyatakan bahawa keupayaan daya cipta yang kreatif dan inovatif mampu memberikan penyelesaian terhadap pelbagai cabaran kompleks kepada pembangunan belia pada masa hadapan. Menurut beliau, antara kelebihan TVET kepada golongan belia termasuklah perkara yang berikut:

Jadual 2 Kelebihan TVET kepada golongan belia.

- 1**

**Mendorong pembelajaran berasaskan dunia pekerjaan sebenar.**

Pelajar diberi peluang untuk menangani cabaran dunia sebenar melalui latihan berasaskan industri yang memerlukan mereka menggunakan dayacipta dan inovasi untuk mencari penyelesaian. Keadaan ini bukan sahaja mengasah kemahiran teknikal, tetapi juga membentuk pemikiran kritis dan keupayaan menyelesaikan masalah secara kreatif.
- 2**

**Membuka ruang kerjasama inovasi dengan industri.**

Pelajar TVET didedahkan kepada teknologi terkini dan amalan terbaik yang relevan dengan industri melalui perkongsian strategik dengan sektor industri. Mereka juga diberi peluang untuk bekerja bersama-sama dengan golongan profesional dalam menyelesaikan masalah sebenar, yang secara langsung berupaya membina keyakinan dan keupayaan mereka untuk menghasilkan idea baharu.

- 3**

**Memberikan penekanan terhadap kemahiran keusahawanan.**

Program TVET tidak hanya melatih pelajar untuk menjadi pekerja yang cemerlang, tetapi juga mendorong mereka menjadi usahawan yang berdikari. Pelajar dilatih dalam aspek perniagaan, inovasi produk dan pemasaran yang membolehkan mereka mencipta peluang pekerjaan sendiri serta menyumbang kepada ekonomi negara.
- 4**

**Menggunakan teknologi digital dan Revolusi Perindustrian Keempat sebagai teras pembelajaran.**

TVET memastikan pelajar bukan sahaja celik teknologi, tetapi mampu mencipta inovasi menggunakan alat digital seperti reka bentuk berbantu komputer (CAD), cetakan 3D dan pengaturcaraan. Hal ini memberikan mereka kelebihan untuk bersaing dalam pasaran kerja yang semakin kompleks.
- 5**

**Membentuk daya tahan melalui latihan praktikal dan realiti dunia pekerjaan.**

Pelajar TVET sering terlibat dalam latihan industri dan situasi sebenar yang memerlukan mereka beradaptasi dengan perubahan, bekerja di bawah tekanan dan mengatasi cabaran. Pengalaman ini membentuk mereka menjadi individu yang lebih berdikari, fleksibel dan berdaya tahan dalam menghadapi ketidakpastian masa hadapan.
- 6**

**Memberikan tumpuan kepada pendidikan nilai dan pembangunan peribadi.**

TVET bukan sahaja dapat membentuk pelajar yang mahir, tetapi juga mempunyai integriti, etika kerja yang tinggi dan bersemangat untuk terus belajar.

"Dengan kombinasi elemen tersebut, TVET mampu melahirkan generasi masa hadapan yang kreatif, inovatif dan berdaya tahan. Selain itu, mereka juga bersedia untuk menyumbang kepada kemajuan negara dan menangani cabaran kompleks negara pada peringkat global," ujar YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.

## TVET Menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat

TVET menyediakan laluan kerjaya yang dinamik dan inklusif kepada belia sejajar dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Satu daripada kelebihan utama laluan ini termasuklah peluang pendidikan yang berterusan dan berperingkat. Melalui sistem TVET, belia dapat memulakan pendidikan dari peringkat sekolah menengah dan terus melangkah ke peringkat yang lebih tinggi seperti diploma, ijazah sarjana muda, malah sehingga peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah. Pendekatan ini memberikan fleksibiliti

kepada mereka untuk meningkatkan kelayakan tanpa perlu meninggalkan dunia pekerjaan.

Menurut YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, "Program latihan berasaskan pekerjaan membolehkan pelajar mendapatkan pengalaman praktikal di tempat kerja dan mempunyai hubungan langsung dengan industri. Keadaan ini menjadikan graduan TVET lebih bersedia dan memenuhi keperluan sebenar industri, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran mereka." Menurutnya lagi, TVET memberikan banyak faedah kepada belia seperti yang berikut:

Jadual 3 Faedah pembelajaran TVET kepada belia.

Perkara	Keterangan
1. Meningkatkan kemahiran melalui latihan secara berterusan atau mendapatkan kemahiran baharu.	Tenaga kerja sedia ada dapat memperbaharui kemahiran mereka dalam bidang seperti automasi dan kecerdasan buatan agar pengetahuan serta kemahiran mereka kekal relevan dalam pasaran kerja.
2. Menawarkan pendapatan yang kompetitif.	Laluan kerjaya dalam bidang berkemahiran tinggi seperti kejuruteraan, teknologi maklumat dan tenaga hijau memberikan peluang kepada belia mendapat pekerjaan yang bergaji tinggi. TVET menggalakkan daya inovasi dan kreativiti, sekali gus membuka ruang kepada belia untuk menjadi usahawan dalam sektor teknologi dan pembuatan.
3. Membentuk belia menjadi tenaga kerja yang berdikari dan berdaya tahan.	Pendekatan yang praktikal dan berorientasikan penyelesaian melatih belia untuk berdikari dan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja, termasuklah cabaran yang timbul daripada ekonomi global dan teknologi masa hadapan.
4. Menyediakan laluan kerjaya yang inklusif.	Belia daripada pelbagai latar belakang, termasuklah dari kawasan luar bandar atau kumpulan kurang berkemampuan, mendapat peluang pendidikan berkualiti dan menyertai pasaran kerja berkemahiran tinggi.
5. Memberikan peluang kepada belia menjadi usahawan.	Dengan kemahiran teknikal yang dimiliki, mereka berupaya memulakan perniagaan sendiri seperti pembuatan produk, perkhidmatan teknologi atau pembaikan peralatan. Perkara ini membantu mereka mencipta peluang pekerjaan untuk diri sendiri dan menyumbang kepada komuniti dengan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang lain.
6. Menawarkan pengiktirafan dan mobiliti untuk graduan mendapatkan pengalaman bekerja di luar negara.	Latihan tambahan dan pembangunan profesional secara berterusan memberikan kelebihan daya saing kepada belia, sekali gus membuka pintu kepada peluang kerjaya pada peringkat antarabangsa.
7. Meningkatkan kemahiran belia melalui pembelajaran sepanjang hayat.	TVET memberikan ruang kepada belia untuk terus meningkatkan kemahiran secara berterusan. Hal ini membolehkan mereka melangkah ke peringkat yang lebih tinggi dalam kerjaya atau beralih dalam bidang baharu yang lebih mencabar dan menjadikan mereka individu yang sentiasa relevan dengan keperluan masa hadapan.
8. Membina individu yang berkemahiran tinggi.	Belia yang berkemahiran tinggi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui penyediaan tenaga kerja mahir yang inovatif, berdaya saing dan fleksibel terhadap perubahan industri.
9. Melahirkan modal insan yang berinovatif.	Belia yang berkemahiran teknikal dapat melahirkan modal insan yang berinovatif.

## MTVET sebagai Penyelaras TVET Nasional

Ekosistem TVET di Malaysia sememangnya unik dan kompleks kerana melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 1,398 buah institusi TVET di Malaysia yang merangkumi 673 buah institusi TVET awam di bawah 12 kementerian, 697 buah institusi TVET swasta dan 28 buah institusi TVET di bawah kerajaan negeri. Landskap yang pelbagai ini menuntut penyelarasan rapi untuk memastikan sinergi antara semua pihak yang terlibat ini berjalan dengan lancar.

Selaras dengan kepentingan TVET dalam membangunkan tenaga kerja mahir negara, kerajaan telah menubuhkan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) sebagai badan tertinggi yang menyelaraskan ekosistem TVET. MTVET dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid dan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju TVET negara.

Menurut beliau, "Keanggotaan MTVET merangkumi semua kementerian penyedia TVET serta wakil industri, institusi akademik dan pihak berkepentingan yang lain. Penubuhan MTVET membolehkan dasar dan strategi TVET dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, sejajar dengan matlamat Dasar TVET Negara 2030. MTVET juga bertindak sebagai platform penyelarasan untuk memastikan keseragaman standard dan akreditasi dalam ekosistem TVET negara. Usaha ini melibatkan agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Malaysian Qualifications Agency (MQA) yang memainkan peranan penting dalam memantau dan menilai kualiti program TVET. Sebagai contoh, pelaksanaan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* oleh MQA dan JPK dapat memastikan semua program TVET di institusi awam dan swasta memenuhi standard kebangsaan yang seragam."

"Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kepercayaan industri terhadap graduan TVET, tetapi juga memudahkan laluan akademik pelajar yang ingin melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Penyeragaman ini merupakan langkah penting dalam mengukuhkan kredibiliti dan daya saing sistem TVET Malaysia pada peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui pendekatan yang menyeluruh ini, ekosistem TVET dapat berfungsi secara harmoni, menggabungkan kekuatan pelbagai pihak untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten, bersedia menghadapi cabaran masa hadapan dan sejajar dengan keperluan Revolusi Perindustrian Keempat. Penubuhan MTVET ialah bukti komitmen kerajaan dalam memastikan TVET menjadi pemacu utama kepada pembangunan tenaga kerja mahir dan daya saing negara," ujar YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.




FOTO: PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI



Antara peserta yang menyertai pameran TVET semasa Majlis Perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2024.



Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) memainkan peranan penting dalam menyediakan laluan pendidikan TVET pada tahap yang lebih tinggi bagi melahirkan tenaga kerja belia yang berkemahiran tinggi, seiring dengan keperluan industri dan aspirasi negara. MTUN menawarkan program TVET pada tahap yang tinggi berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), bermula dari tahap enam (ijazah sarjana muda) tahap tujuh (ijazah sarjana), hingga tahap lapan (ijazah doktor falsafah). Hal ini bagi memastikan pelajar mempunyai peluang untuk meningkatkan kelayakan secara progresif, di samping membina kemahiran teknikal dan penyelidikan yang diperlukan untuk menyokong sektor teknologi dan kejuruteraan negara.

MTUN terdiri daripada empat buah universiti utama, iaitu:

- **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
- **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
- **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**
- **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Dua lagi universiti, iaitu **Universiti Kuala Lumpur (UniKL)** dan **Universiti Selangor (UniSEL)** turut menyertai MTUN sebagai ahli bersekutu yang berperanan memperluas ekosistem TVET pada peringkat universiti.

MTUN menawarkan pelbagai program berasaskan kejuruteraan dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri semasa seperti yang berikut:

**Jadual 4** Universiti dan penawaran kursus pengajian berasaskan kejuruteraan dan teknologi.




Menurut YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, "Program-program ini diselaraskan dengan bidang tumpuan utama kerajaan yang disebut dalam dasar strategik seperti NIMP 2030 dan NETR.

Sebagai contoh, dalam konteks NIMP 2030, program kejuruteraan pembuatan dan mikroelektronik menyokong sektor pembuatan pintar dan pengeluaran bernilai tinggi. NETR, teknologi hijau dan kejuruteraan mampan yang ditawarkan di UTHM dapat membantu mencapai matlamat peralihan tenaga dan kelestarian alam. Selain itu, sektor seperti automasi, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi tinggi yang disebut dalam strategi Revolusi Perindustrian Keempat turut diberikan perhatian melalui program berkaitan dengan robotik dan automasi di UTeM."



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bersama-sama dengan peserta yang menyertai Sambutan Hari TVET Negara 2024.





Antara peserta yang menyertai pameran TVET semasa Sambutan Hari TVET Negara 2024.



## Pengiktirafan Pelajar Tahfiz sebagai Tenaga Kerja Berkemahiran Tinggi

Institut Latihan Perindustrian (ILP) Selandar yang merupakan sebuah institusi latihan kemahiran awam turut membuka peluang kepada pelajar tahfiz yang tidak meneruskan pengajian di madrasah untuk mengikuti program TVET di ILP Selandar dan meneruskan pengajian hafazan. "Tahfiz TVET" merupakan satu konsep yang menggabungkan pendidikan tahfiz, iaitu hafalan al-Quran dengan latihan kemahiran teknikal dan vokasional. Idea ini timbul daripada keperluan untuk menyediakan laluan alternatif kepada pelajar tahfiz yang mungkin menghadapi kesukaran untuk menghabiskan hafalan 30 juzuk.

Walaupun hafalan al-Quran merupakan matlamat utama pengajian hafazan, namun tidak semua pelajar dapat menyempurnakannya. Oleh itu, menurut YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, "Tahfiz TVET ini diwujudkan sebagai satu inisiatif untuk memberikan peluang kepada pelajar ini meneruskan pendidikan mereka dengan menggabungkan pengajian agama dengan kemahiran teknikal yang relevan dalam industri moden. Keadaan ini bukan sahaja membantu mereka memperoleh kemahiran yang boleh meningkatkan daya saing dalam pasaran kerja, tetapi juga memastikan mereka tidak terpinggir dan terus mempunyai masa hadapan yang cerah."

"Program Tahfiz TVET ini juga selari dengan Teras Tiga Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang menekankan kepentingan mengintegrasikan kurikulum tahfiz dengan pendidikan arus perdana. Teras ini memberikan perhatian terhadap keperluan untuk menyediakan murid tahfiz dengan kemahiran teknikal yang diperlukan oleh industri, yang bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran mereka tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ummah dan negara. Melalui strategi seperti penawaran kursus kemahiran

kepada murid tahfiz dan penyelarasan kurikulum dengan arus perdana, DPTN membantu golongan tahfiz agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan nasional. Penawaran Tahfiz TVET bukan sahaja berupaya menjaga keseimbangan antara ilmu duniawi dengan ukhrawi, tetapi juga memberikan pengiktirafan kepada pelajar tahfiz sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mempunyai nilai tambah yang tersendiri," ujar YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.

TVET menjadi sektor yang semakin relevan dan kompetitif pada peringkat global.  
- YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.



FOTO: HANA ENCHID / USOP MOHD FARID JANUDDIN

DR. WAN SISWA

## Penubuhan MCI Mengantarabangsakan TVET

Malaysia – China Institute (MCI) yang ditubuhkan pada 11 September 2023 merupakan manifestasi usaha kerajaan ke arah memperkukuh hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan China bagi meningkatkan bakat kemahiran belia, khususnya dalam bidang TVET tempatan. Melalui MCI, Malaysia berpeluang membangunkan program latihan yang memenuhi keperluan industri semasa, terutamanya dalam bidang teknologi terkini seperti kenderaan elektrik, pembuatan pintar, AI dan Internet benda.

Pelajar TVET di MCI berpeluang mengikuti program latihan berbentuk “program latihan antarabangsa” yang melibatkan latihan di kedua-dua buah negara, iaitu Malaysia dan China. Menurut YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid, “Program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk memperoleh kemahiran yang relevan dengan teknologi terkini dan mengasah pengalaman mereka dalam industri melalui penempatan di syarikat-syarikat terkemuka. Program ini juga bertujuan untuk memastikan graduan TVET Malaysia dapat dimanfaatkan oleh industri tempatan, dengan penempatan pekerjaan yang dijamin di syarikat-syarikat China yang beroperasi di Malaysia, selepas tamat latihan.”

YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid menjelaskan bahawa, “MCI juga memainkan peranan penting dalam usaha menghalang pengaliran bakat ke luar negara. Dengan menyediakan peluang kerjaya yang menarik dan relevan dalam industri tempatan, kerajaan dapat memastikan kemahiran dan kepakaran yang diperoleh pelajar TVET dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam pembangunan ekonomi negara. Hal ini merupakan usaha berterusan untuk memperkasakan ekosistem TVET di Malaysia dan memastikan bakat tempatan dapat terus berkembang. Selain memperkukuh hubungan dengan China, kerjasama ini juga membuka ruang pengantarabangsaaan latihan TVET di Malaysia. Pelajar bukan sahaja mendapat latihan bertaraf antarabangsa, tetapi juga membina hubungan profesional yang akan memberikan mereka kelebihan dalam pasaran pekerjaan global.

Keadaan ini merupakan satu pendekatan yang akan menguntungkan negara dan memastikan TVET menjadi sektor yang semakin relevan dan kompetitif pada peringkat global.”

## MCI Mengembangkan Program Silang Budaya

Kemajuan sesuatu bangsa itu terletak pada kemajuan bahasanya. Sebagai warganegara Malaysia, kita harus melihat bahasa itu sebagai alat kemajuan bagi sesebuah negara. Oleh itu, inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan melalui program MCI secara tidak langsung dapat mengembangkan program silang budaya dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid yang turut menyokong inisiatif tersebut berkata, “Sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis TVET Negara, saya amat menyokong inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan melalui program MCI kerana program ini bukan sahaja memfokuskan pembangunan kemahiran dan latihan dalam bidang TVET, tetapi juga membuka ruang untuk memperkenalkan dan memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.”

“Melalui kerjasama antara Malaysia dengan China, pelbagai peluang akan diwujudkan, termasuklah dalam aspek pendidikan bahasa.



Sebagai contoh, dengan penubuhan fakulti Bahasa Melayu di beberapa buah universiti terkemuka di China, kita dapat melihat bahawa bahasa Melayu semakin mendapat perhatian dan penghormatan dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Fakulti ini berfungsi untuk memperkenalkan bahasa Melayu, selain meningkatkan pemahaman dan penghargaan terhadap budaya Malaysia di luar negara. Ini satu perkembangan yang sangat positif dan memberikan impak besar terhadap hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara lain," tambah beliau.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid menjelaskan bahawa melalui MCI, program silang budaya antara Malaysia dengan China juga dapat terus diperkukuh. Pelajar TVET yang terlibat dalam latihan industri antarabangsa juga berpeluang mempelajari budaya dan bahasa Melayu. Keadaan ini sekali gus memberikan impak yang besar dalam memperluas penggunaan bahasa Melayu dalam konteks global. Dengan adanya penempatan pelajar TVET di syarikat China yang beroperasi di Malaysia, serta peluang pertukaran budaya dan bahasa antara negara, bahasa Melayu akan terus berkembang dan diperkenalkan kepada lebih banyak individu di luar negara."

"Penting untuk kita memahami bahawa bahasa merupakan satu daripada elemen terpenting dalam proses diplomasi dan kerjasama antarabangsa. Apabila bahasa Melayu digunakan secara meluas di negara-negara seperti China, keadaan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan bilateral, tetapi juga memberikan peluang kepada Malaysia untuk memperkenalkan nilai budaya, identiti dan keunikan bangsa pada peringkat dunia. Oleh itu, saya melihat inisiatif ini sebagai langkah penting untuk memartabatkan bahasa Melayu dan menjadikan Malaysia lebih dikenali pada peringkat antarabangsa," ujar YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid.

### KKDW Membuka Peluang Pekerjaan dalam Bidang Keusahawanan

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melaksanakan fungsi serta tanggungjawab dalam memperkasakan kehidupan dan sosioekonomi masyarakat luar bandar menerusi perancangan di bawah KKDW dan agensi meliputi pembangunan dan pembaikan prasarana, ekonomi dan keusahawanan, pendidikan, termasuklah TVET. Oleh itu, KKDW sentiasa komited membangunkan ekosistem keusahawanan teknikal atau teknousahawan untuk memberikan manfaat kepada belia dan pelatih TVET, khususnya di institusi TVET



FOTO: PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bersama-sama dengan peserta yang menyertai Sambutan Hari TVET Negara 2024.

di bawah KKDW. Menurut YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, antara inisiatif tersebut termasuklah usaha yang dilaksanakan menerusi perkara berikut:

**Jadual 5** Usaha untuk membangunkan ekosistem keusahawanan teknikal kepada belia dan pelatih TVET.

Perkara	Keterangan
1 Penerapan elemen keusahawanan dalam kurikulum dan modul latihan program TVET.	Melalui program seperti Latihan Berasaskan Teknousahawan ( <i>Technopreneur Base Education Training</i> atau TBET), pelatih diberi pendedahan dalam bidang keusahawanan seperti pengurusan perniagaan, pemasaran dan pembangunan jenama.
2 Program berteraskan (agama, inovatif, kemahiran dan keusahawanan) atau R.I.S.E ( <i>religious, innovative, skills and entrepreneurship</i> ).	Mengintegrasikan aspek keagamaan, kemahiran, inovasi dan keusahawanan. Pelatih diajar untuk mengaplikasikan kemahiran mereka dalam program seperti Pemasaran Digital dan <i>Business Pitching</i> yang akan melengkapkan mereka sebagai usahawan muda berdaya saing.
3 Program Diploma Teknousahawan.	Sejak tahun 2016, sebanyak lapan program Diploma Teknousahawan ditawarkan di Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) meliputi bidang perabot, fabrik, landskap, fesyen, upholstery, elektrik, pendingin hawa dan automotif. Pelatih diwajibkan mendaftarkan syarikat dengan jumlah nilai jualan sebagai indikator pencapaian dan penilaian untuk graduasi. Sehingga kini, lebih 296 buah syarikat didaftarkan dengan nilai jualan melebihi RM76 juta dan membuktikan keberkesanan program ini dalam membina usahawan berjaya.
4 Program Start Right (PSR).	Inisiatif ini menawarkan latihan, bimbingan dan pembiayaan keusahawanan untuk membantu graduan dan alumni TVET memulakan perniagaan mereka sendiri. Untuk memperkukuh ekosistem usahawan ini, program perantisan teknousahawan akan diadakan untuk memperkembang pelatih TVET melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

KKDW juga menyediakan sokongan tambahan melalui program pembiayaan sebagai langkah untuk membuka lebih banyak peluang kepada pelatih untuk meneroka bidang keusahawanan secara profesional dan berstruktur. Melalui pendekatan menyeluruh ini, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid percaya bahawa, "KKDW bukan sahaja melahirkan belia yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal, tetapi juga membolehkan mereka mencipta

peluang pekerjaan sebagai usahawan. Keadaan ini seterusnya membuka ruang pekerjaan baharu kepada belia, sama ada di bandar atau di luar bandar, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara."

## TVET Pembentuk Modal Insan Berpengetahuan dan Berkemahiran Tinggi

TVET bukan sahaja menyediakan pelajar dan belia dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam dunia pekerjaan, tetapi juga membina daya saing dan daya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Melalui TVET, belia diberi peluang untuk memperoleh kemahiran yang relevan dengan industri serta memahami perkembangan teknologi dan inovasi terkini. Selain itu, TVET juga membantu melahirkan generasi yang lebih berdikari.

"TVET bukan hanya untuk mereka yang memilih laluan pendidikan selain pengajian akademik, tetapi merupakan pilihan berdaya saing yang menyediakan laluan kerjaya yang stabil dan menguntungkan. Kerajaan juga telah mengorak langkah untuk memastikan TVET terus diperkasakan melalui pelbagai inisiatif, antaranya termasuklah penyelarasan antara kementerian, kerjasama dengan industri serta memastikan pelibatan belia dalam bidang berteknologi tinggi. Saya berharap agar dengan memberikan penekanan terhadap penguasaan kemahiran TVET, kita dapat memperkasakan belia untuk menyumbang secara lebih aktif dalam merealisasikan matlamat Malaysia MADANI yang berteraskan kemajuan, kesejahteraan dan keharmonian." Demikian titipan kata-kata daripada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid sebelum mengakhiri temu bual bersama-sama dengan editor *Dewan Siswa*.



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bersama-sama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dari kiri, Pengarah Penerbitan, YBrs. Encik M Azahari Edin; Ketua Pengarah, YBrs. Dr. Hazami Jahari; Ketua Editor Bahagian Majalah, YBrs. Dr. Rosmani Omar; dan para pegawai di Jabatan Penerbitan.